

EDISI KHAS NAIB CANSELOR UKM



STAF

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ehwan
Hj. Toriman

Penasihat

YBhg. Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah

Ketua Editor

Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman

Editor

Dr. Lai Wei Sieng

Editor Pengurusan

Pn. Farah Farzana Rasol

Juru Gambar

En. Wan Nursyaffiq Wan Mahamood
En. Mohammad Hafiz Mohd Ali

Editor Teknikal

En. Wan Nursyaffiq Wan Mahamood
En. Mohammad Hafiz Mohd Ali

Pembantu Editor

En. Faiz Md Shah
Pn. Rosnita Manap
Pn. Mimi Sharina Ash'ari
Cik Nur Aqilah Mohd Roseli
Cik Rohidayah Abdul Rahim



SIDANG REDAKSI

PROF. IR. DR. MOHD SYUHAIMI AB RAHMAN

Pengarah Pusat Perhubungan Alumni (ALUMNI-UKM)



Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua alumni kebanggaan universiti dan seluruh warga Universiti Kebangsaan Malaysia. Alhamdulillah syukur diucapkan kerana dengan izin-Nya Majalah SENADI Edisi Khas ini dapat diterbitkan bagi meraikan perantikan Naib Canselor baharu yang merupakan alumni Universiti Kebangsaan Malaysia. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Prof. Dato'Ts Mohd Ekhwan Hj Toriman diatas perantikan sebagai Naib Canselor UKM bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2023. Perantikan alumni sebagai Naib Canselor ini merupakan yang pertama kalinya setelah Universiti Kebangsaan Malaysia menempuh usia yang ke-50 tahun sekaligus menjadi tanda kebanggaan kepada universiti.

Pusat Perhubungan Alumni yakin dengan pelantikan ini, segala aktiviti dan program yang dijalankan dibawah Pusat Perhubungan Alumni pasti mendapat galakan dan sokongan padu daripada pihak pengurusan atasan. Misi Bantuan Kasih UKM baru-baru ini telah berjaya dijalankan dengan mendapat sokongan penuh oleh Naib Canselor dan juga Timbalan Naib Canselor Hal ehwal Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat. Misi Bantuan Kasih UKM ini adalah merupakan inisiatif Pusat Perhubungan Alumni dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Fakulti Kejuruteraan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pengajian Islam (FPI) dan Pusat Islam bagi membantu mangsa banjir yang terkesan di Kuala Krai dan kawasan sekitar. Misi Bantuan Kasih UKM ini turut diteruskan ke fasa kedua dengan menghantar bantuan keperluan asas kepada beberapa Maahad Tahfiz di sekitar Temerloh dan

Lanchang, Pahang yang juga turut terkesan akibat banjir. Misi Bantuan Kasih juga singgah di Bangi & Dengkil untuk membantu meringankan beban masyarakat melalui agihan barang keperluan harian. Atas rasa keprihatinan, pastinya misi ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Selain itu, Pusat Perhubungan Alumni juga sentiasa aktif dalam merancang dan mengadakan aktiviti-aktiviti lain seperti Buku Mewah Alumni, Jelayah Maya Alumni, dan juga Cabaran Alumni @UKMDIHATI meskipun negara kita sekarang berdepan dengan kekangan akibat Covid19. Sehubungan itu, saya menyeru agar semua alumni mengemaskini data peribadi melalui Sistem Maklumat Alumni (SMA) UKM dan juga mengikuti laman sosial Pusat Perhubungan Alumni di Facebook, Instagram, Twitter dan juga laman sesawang rasmi bagi memastikan alumni tidak terlepas untuk turut serta menyertai program yang dianjurkan oleh Pusat Perhubungan Alumni dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya berharap agar alumni UKM dapat kembali ke alma mater untuk mencurahkan bakti dalam pelbagai bentuk termasuklah dari segi kepakaran, perkongsian pengalaman, bantuan kewangan dan sebagainya bagi memastikan hubungan dua hala yang kekal terjalin dapat memberi manfaat kepada warga, alumni dan orang ramai. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru dan saya berharap kita semua dapat mematuhi segala saranan kerajaan dan mengamalkan gaya hidup norma baharu agar kita semua terlindung daripada pandemik Covid19 ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SIDANG REDAKSI

PROF. DATO' DR. IMRAN HO ABDULLAH

Timbalan Naib Canselor
(Hal-Ehwal Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)

Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera Kepada para alumni yang dihormati dan dikasihi sekalian, Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya kita di UKM dapat menghadapi pandemik COVID-19 dengan tabah dan dapat meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Buat masa ini, kita semua masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk memastikan tiada penularan wabak COVID-19 berlaku terutamanya di dalam kawasan kampus. UKM amat prihatin dan komited membendung penularan pandemik ini dengan mengambil langkah pemantauan yang sesuai mengikut arahan pihak berkuasa dan saranan kerajaan untuk terus menyesuaikan diri dalam norma baru tanpa mengabaikan tanggungjawab masing-masing.

Terkini, UKM telah mengalu-alukan pelantikan Naib Canselor yang baharu iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman yang juga merupakan salah seorang alumni kebanggaan universiti. Selaku alumni, saya turut berkongsi perasaan bangga kerana buat pertama kalinya peneraju pucuk kepimpinan universiti disandang oleh alumni universiti sendiri. Saya yakin semua alumni turut berasa bangga dengan kejayaan YBhg. Prof. Dato. Tahniah dan selamat bertugas kami ucapkan.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Pusat Perhubungan Alumni UKM (ALUMNI-UKM) yang sentiasa aktif menggerakkan aktiviti dan program bersama alumni walaupun berhadapan dengan keadaan yang mencabar kini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua alumni agar dapat menyokong dan menyumbang kepada projek Pembangunan Kompleks Alumni UKM yang sedang diusahakan oleh ALUMNI-UKM dan untuk makluman, semua alumni yang ingin menyumbang akan diberikan pengecualian cukai. Kompleks Alumni ini bakal memberi pelbagai manfaat kepada para mahasiswa dan juga memberi ruang kepada alumni terus berbakti kepada universiti tercinta serta memantapkan hubungan hubungan yang erat di kalangan alumni dan UKM.



Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada semua warga dan alumni UKM dan marilah kita bersama-sama berdoa dan berganding bahu untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan demi memutuskan rantai pandemik penularan COVID-19. Saya berharap agar para alumni terus bersemangat untuk bersama-sama barisan pentadbiran UKM dalam usaha memastikan UKM sederap terkehadapan. UKM dan alumni berpisah tiada!

Sekian, terima kasih

Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MS

SEJENAK MINDA NAIB CANSELOR UKM	1
NAIB CANSELOR UKM 1969 - KINI	6
LAWATAN NAIB CANSELOR KE ALUMNI-UKM	8
BANTUAN INSENTIF PERANTI UKM	10
MISI BANTUAN KASIH	11
1.0 KELANTAN	
2.0 PAHANG	
3.0 BANGI, SELANGOR	
NUKILAN ALUMNI	17
UKM MENUJU KE KEMUNCAK	
HAPPY 50TH ANNIVERSARY UKM!	
SASARAN AKADEMIK UTUH MANGKIN PENGHASILAN GRADUAN BERKUALITI	
PENGURUSAN PERHUBUNGAN ALUMNI DALAM NORMA BAHARU	
CERITA LAILY BIN DIN	
JEJAK ALUMNI	29
YB SENATOR DATO' DR. AHMAD MASRIZAL MUHAMMAD	
SANTUNI ALUMNI	30
BICARA ALUMNI	31
PROGRAM ALUMNI	32
PROGRAM ALUMNI DI FAKULTI	33
SUMBANGAN KOMPUTER	35
KOMPLEKS ALUMNI	36
BUKU MEWAH	39
IKLAN ALUMNI	40
POSTER KAJI SELIDIK	41
CENDERAMATA ALUMNI-UKM	42



INTISARI
Sejenak Minda
Naib Canselor UKM
Bil 1/2021



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman

1. PENGENALAN

SEJENAK MINDA Naib Canselor adalah terbitan bulanan yang mengupas isu-isu penting yang berlangsung setiap bulan. Samada dari sudut penyelidikan, pendidikan pencapaian pelajar dan juga khidmat masyarakat dan industri. UKM yang sangat berdaya saing tetap bergerak dalam suasana yang positif.

2. TERAS

TERAS merupakan kekuatan JIWA UKM yang meliputi TALENT, ETHICS, REVITALISE, AGILE and SOUL secara holistik.

3. APEC Webinar dengan 'Industry-Academia-Government (IAG) Collaboration on Alternative Re-Employment Project for Aging Population: An Innovative Employment Management Model (IEMM)' anjuran Fakulti Pendidikan yang melibatkan 21 ekonomi di bawah APEC
4. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UKM Dan Female Entrepreneur Worldwide di bawah Pusat Kepimpinan Wanita yang telah turut di hadiri oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.
5. Kejayaan Pakar Neurologis Muda UKM Dr Wan Asyraf Wan Zaidi, Menjadi Rakyat Malaysia Pertama Terpilih Sertai WSO FLP – AGILE.
6. UKM Dinobatkan sebagai The Most Influential Innovators di South and South East Asia Innovation Awards bagi kategori institusi akademik, sebagai satu-satunya universiti tempatan yang mengungguli anugerah ini pada tahun 2020 – ETHICS.
7. Pelantikan Dr. Hj. Zulkifli Amat selaku Pegawai Profesional Dan Pengurusan sebagai Pengarah Pusat Sukan UKM – TALENT.
8. UKM PRIHATIN – SOUL:
 - (1) Pengurangan Yuran Pendaftaran Kepada Semua Pelajar Baharu Bagi Semester 1, Sesi Akademik 2020/2021 dari RM1200 kepada RM850
 - (2) Bantuan Pelan Data dan Peranti Kepada Pelajar UKM dari keluarga B40 dapat meneruskan pembelajaran secara dalam talian berjalan dengan lancar, yang dihantar terus ke alamat rumah masing-masing.
 - (3) UKM memberikan sebanyak 563 buah telefon pintar kepada pelajar tahun 2 hingga tahun 4.
 - (4) Bantuan Peranti iaitu komputer riba diberikan kepada 250 orang daripada pelajar dan asnaf UKM. Projek sumbangan komputer riba bagi fasa 1 dan fasa 2 ini adalah berjumlah RM475,400 hasil sumbangan dari Zakat UKM dan skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar.
9. GE: Kebolehpasaran Graduan, GE merupakan AGENDA UKM yang perlu memastikan tawaran, program, kursus atau kursus tambahan dan kursus CITRA yang memberi nilai tambah kepada graduan untuk penawaran diri dalam mencari pekerjaan – REVITALISE

10. PENUTUP

UKM akan terus maju dengan TERAS sebagai JIWA UKM bagi seluruh warga UKM.



INTISARI
Sejenak Minda
Naib Canselor UKM
Bil 2/2021



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman

1. PENGENALAN

SEJENAK MINDA NAIB CANSELOR bilangan ke-2 untuk tahun 2021 mengupas kecemerlangan Alumni dan inisiatif semasa UKM dalam memastikan nilai TERAS dapat diterapkan dalam keseluruhan aktiviti dan tindakan UKM.

2. ALUMNI TERSOHOR

- i. Ketua Setiausaha Negara YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali merupakan alumni UKM pada tahun 1986 dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM.
- ii. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah merupakan alumni UKM yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan pada tahun 1988 dan Sarjana Surgery (Surgery Am) pada tahun 1994 dari Fakulti Perubatan.

3. TERAS

Nilai TERAS akan meliputi aspek akademik, penyelidikan & inovasi, hal ehwal pelajar, kewangan & alumni dan juga tadbir urus dengan kebitaraan yang menggambarkan kepentingan peranan masing-masing.

4. INISIATIF SEMASA UKM


- i. Pelancaran Road To UKM Entrepreneur
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED) akan melancarkan inisiatif strategik yang dikenali sebagai 'Road to UKM Entrepreneur'.
- ii. Pelancaran Syarikat Pemula UKM @ Startup UKM (STU)
INOVASI@UKM™ akan melancarkan start-up UKM untuk meningkatkan pemindahan teknologi dan pengkomersilan yang berterusan dan sedang menyediakan Garis Panduan STU.



5. PENUTUP

UKM akan terus memperkukuhkan nilai TERAS sebagai JIWA UKM untuk dihayati oleh seluruh warga UKM.

SELAMAT BERTUGAS

NAIB CANSELOK UKM KE-12
Dato' Ts Dr. Mohd Ekhwan Hj Toriman





NAIB CANSOLOR UKM

1969 - KINI



Naib Canselor Pertama

Prof. Emeritus Tan Sri
Dato' Dr. Mohd. Rashdan B.
Hj. Baba

1 Sept. 1969 – 31 Mac 1971

Naib Canselor Ke-2

Allahyarham Prof. Datuk
Dr. Ariffin B.
Hj. Ngah Marzuki

1 April 1972 – 31 Mac 1974



Naib Canselor Ke-3

Allahyarham Prof. Tan Sri
Dr. Anuwar B. Mahmud

1 April 1975 – 31 Mac 1980

Naib Canselor Ke-4

Allahyarham Prof. Emeritus
Tan Sri Dr. Awang Had B. Salleh

16 Julai 1980 – 15 Feb. 1984



Naib Canselor Ke-5

Allahyarham Prof. Tan
Sri Dato' Dr. Abdul Hamid
Bin Abdul Rahman

1 Feb. 1984 – 31 Ogos 1993

Naib Canselor Ke-6

Prof. Emeritus Dato'
Dr. Mohd. Sham B. Sani

1 Sept. 1993 – 24 Mac 1998



Naib Canselor Ke-7

Prof. Emeritus Tan Sri
Dr. Anuwar Bin Mahmud

1 Mei 1998 – 30 April 2003

Naib Canselor Ke-8

Prof. Emeritus Tan Sri
Dr. Mohd. Salleh Bin Yassin

1 Mei 2003 – 27 Ogos 2006





Naib Canselor Ke-9

Prof. Emerita Tan Sri
Dr. Sharipah Hapsah Bt.
Syed Shahabudin
28 Ogos 2006 – 31 Dis. 2013

Naib Canselor Ke-10

Prof. Tan Sri Dato'
Dr. Nor Azlan Bin Ghazali
1 Jan 2014 – 31 Dis. 2018



Naib Canselor Ke-11

Prof. Ir. Dato'
Dr. Mohd Hamdi Bin
Abd Shukor
1 Jan. 2019 – 30 Okt. 2020



Naib Canselor Ke-12 (TERKINI)

Prof. Dato'
Ts. Dr. Mohd Ekhwan
Bin Hj. Toriman
1 Jan. 2021 – Kini



LAWATAN NAIB CANSOLOR KE ALUMNI-UKM


Pada 25 Februari 2021 jam 4.30 petang, YBhg. Prof Dato' Ts Dr. Mohd Ekhwan Hj Toriman, Naib Canselor UKM berkesempatan untuk mengunjungi Pusat Perhubungan Alumni bagi menyantuni kakitangan di pusat tersebut. Mesyuarat secara santai telah diadakan dan Pengarah Pusat Perhubungan Alumni turut membenteng secara ringkas 7 tonggak yang menjadi asas kepada kolaborasi berkesan universiti dan alumni kepada Naib Canselor UKM.

Perbincangan secara santai tersebut turut melibatkan perkongsian idea dan penambahbaikan daripada pihak pengurusan atasan dan juga Pusat Perhubungan Alumni bagi memastikan hubungan antara universiti dan alumni terus utuh dan menggalakkan para alumni untuk kembali ke alma mater. Naib Canselor turut dibawa untuk melawat dinding kemasyhuran Alumni (Wall of fame) dan melihat 5 lukisan pemenang rekabentuk bangunan kompleks Alumni UKM oleh pelajar senibina dari Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina.





BANTUAN INSENTIF PERANTI UKM



Sesi penyerahan bantuan pembaikpulihan peranti secara maya kepada 120 orang pelajar UKM bagi membantu melancarkan proses pembelajaran mereka secara atas talian. Ini adalah inisiatif Pusat Perhubungan Alumni bersama Pusat Hal Ehwal Pelajar UKM.

A vertical postcard-style graphic. At the top, it features logos for 'Universiti Kebangsaan Malaysia', '50th Anniversary', 'ALUMNI UKM', and 'HEP-UKM'. The main title 'BANTUAN INSENTIF PERANTI UKM' is prominently displayed in large, bold, white and yellow letters over a background image of a laptop. Below the title, it says 'Alumni Prihatin Sumbangan baucer RM RM67,000' in large yellow font, followed by 'pembaikpulihan laptop untuk 120 pelajar UKM.' in smaller white text. The bottom section has a dark blue background with the text 'Terima Kasih Alumni!' in large white font. At the very bottom, there are social media links for Facebook, Twitter, and Instagram, along with the text 'ALUMNI - UKM' and the website 'www.ukm.my/alumni'.

MISI BANTUAN KASIH

11 Januari 2021 – Skuad Misi Bantuan Kasih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memulakan perjalanan ke lokasi pertamanya di Kuala Krai, Kelantan, pada hari ini untuk memberi bantuan kepada 500 buah keluarga yang terjejas akibat banjir di sana.

Bantuan berbentuk sumbangan wang tunai, barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak dan sebagainya adalah hasil sumbangan dan keprihatinan warga UKM yang terdiri dari staf, pelajar dan alumni.

Naib Canselor UKM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ekhwan Hj Toriman berkata usaha untuk mengumpul sumbangan bagi misi bantuan ini telah dimulakan sejak 22 Disember 2020 yang lalu dan kutipan telah mencecah RM25,000.

"Saya amat bangga dengan keprihatinan warga UKM yang telah memberi sumbangan. Diharapkan keprihatinan dan usaha murni warga UKM dan alumni ini akan berterusan dalam membawa aspirasi UKM untuk terus berbakti kepada masyarakat yang memerlukan," katanya. Misi tersebut adalah inisiatif Pusat Perhubungan Alumni UKM dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Pusat Islam, Prasarana-UKM dan Jabatan Bendahari.

Menurut Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Misi ini digerakkan dua minggu yang lalu dengan harapan untuk membantu masyarakat khususnya di negeri-negeri pantai timur yang terkesan akibat banjir dan juga pandemik. Misi Bantuan Kasih ini sebenarnya telah digerakkan bermula di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina yang dahulunya diberi nama Misi Bantuan Banjir, Misi Bantuan Rumah Penyayang, Misi Bantuan Anak-Anak Yatim. Misi ini memberi peluang kepada staf UKM khususnya kakitangan sokongan untuk menyantuni masyarakat

sempena saranan kerajaan semua kakitangan kerajaan turun ke padang. Melalui pengalaman dan latihan serta bimbingan yang baik dari program seperti ini, semangat kerjasama dan kepimpinan yang dipupuk akan pasti meningkatkan kualiti kerja hakiki mereka di fakulti masing-masing.

Fasa pertama misi tersebut akan bergerak dengan lima buah kenderaan termasuk sebuah lori dari Prasarana-UKM ke Kelantan dan seterusnya ke negeri Pahang yang merupakan antara negeri paling teruk terjejas dengan bencana banjir pada tahun ini. Turut hadir membantu mengagihkan barangan sumbangan ini adalah ADUN Guchil, Yang Berhormat Helmi Abdullah bersama TaskForce Krai, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Bomba dan Polis Di Raja Malaysia.

Para sukarelawan dan warga UKM yang terlibat dalam misi ini sentiasa menjaga SOP yang ditetapkan bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 dan mengutamakan keselamatan diri yang tinggi.

Majlis pelancaran Misi Bantuan Kasih telah disempurnakan oleh Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Dr. Ekhwan Toriman. Di acara tersebut, penyerahan cenderamata baharu Pusat Perhubungan Alumni kepada Naib Canselor juga telah dibuat. Turut hadir bersama Timbalan Naib Canselor JIAM, Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah serta rakan Dekan dan Pengarah Pusat penganjur bersama. Turut hadir menyertai Misi Bantuan Kasih Kelantan ini adalah Prof. Ir. Dr. Mardina Abdullah, pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem. Syabas di ucapkan





MISI BANTUAN KASIH 2.0

28 Januari 2021 - Misi Bantuan Kasih Universiti Kebangsaan Malaysia diteruskan ke Negeri Pahang Darul Makmur. Misi kali ini menumpu perhatian kepada beberapa Maahad Tahfiz di Lanchang, Temerloh dan Mentakab bagi membolehkan mereka beroperasi semula. Agihan juga turut di sumbangkan kepada surau dan Masjid di daerah Lanchang dan Temerloh. Pelancaran Misi Bantuan Kasih kali ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat (JIAM). Seramai 13 orang delegasi UKM yang terdiri daripada warga dan alumni UKM menyertai misi ke Pahang ini. Delegasi kali ini membawa naskah Al-Quran dan Yasin, bantal, tikar plastik, sejadah, sabun, pelitup muka dan alat tulis dengan kos keseluruhan adalah RM40,000.

Pengarah Misi Bantuan Kasih, Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi Ab Rahman merakamkan setinggi penghargaan kepada warga dan alumni UKM yang prihatin menyumbang kepada misi bantuan kasih. Kami berjaya mengumpulkan sebanyak RM50 ribu bagi melaksanakan kedua-dua misi di Kelantan dan Pahang dalam tempoh sebulan sahaja. Menurutnya lagi, Misi Bantuan Kasih kali ini ke Pahang juga telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Barangan sumbangan telah berjaya diagihkan ke beberapa Maahad Tahfiz dan selebihnya di letakkan di Pusat Pengumpulan Lanchang dan Semantan yang akan diagihkan seterusnya oleh NGO-NGO tempatan kerana terikat dengan SOP kawasan merah. Hadir bersama dalam misi ini adalah YB Adun Semantan, Dato Haji Nor Azmi Mat Ludin yang bersama-sama mengagihkan sumbangan kepada Maahad Tahfiz yang terjejas.

Sementara itu Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dato' Dr. Mohd Ekhwan Haji Toriman memberitahu usaha murni ini antara contoh terbaik sumbangan warga UKM kepada masyarakat sebagaimana lahirnya UKM dari hasrat rakyat. UKM adalah universiti watan kita. Misi Bantuan Kasih ini menunjukkan keprihatinan UKM sebagai sebuah universiti yang merakyatkan ilmu dan bakti kepada masyarakat. Ia bermula dari masyarakat dan perlu kembali semula kepada masyarakat dalam bentuk sumbangan dan bakti. Misi ini adalah kesinambungan dari kejayaan Misi Bantuan Kasih pertama yang dianjurkan di Kuala Krai Kelantan dua minggu yang lalu. Misi ini adalah kedua yang dilaksanakan dalam tempoh sebulan.





MISI BANTUAN KASIH 3.0

29 Februari 2021 – Skuad Misi Bantuan Kasih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berjaya menganjurkan lagi Misi Bantuan Kasih 3.0 di dua lokasi berhampiran universiti iaitu Seksyen 16 Bandar Baru Bangi dan Kampung Sungai Buah Dengkil. Majlis Pelancaran dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat (JIAM) UKM, Prof Dato Dr Imran Ho Abdullah dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pengarah Pusat Trnasformasi Komuniti Universiti (UCTC), Prof Datuk Dr Rokiah Omar dan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Prof Ir Dr Shahrir Abdullah. UCTC dan FKAB merupakan rakan strategik untuk Misi Bantuan Kasih Bangi. Turut hadir dalam misi ini adalah Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Sepang, Encik Mohamad rasaki Abdul Majed.

Menurut Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UKM, Prof Ir Dr Mohd Syuhaimi Ab Rahman, sebanyak RM80,000 ribu telah berjaya dikumpulkan dalam tempoh dua bulan ini bagi menggerakkan misi bantuan kasih. Bermula di Kelantan, kemudian ke Pahang dan kini pula singgah sebentar di Selangor untuk membantu masyarakat yang terkesan akibat bencana banjir dan juga penularan COVID19. Di harap dengan bantuan yang diberikan dapat meringan beban mereka menghadapi dugaan ini. UKM adalah universiti watan kita, ia bermula dari masyarakat dan kepada masyarakat juga manfaat akan dikembalikan. Misi Bantuan Kasih adalah bukti bahawa UKM adalah sebuah universiti yang merakyatkan khidmat dan baktinya. Mat Ludin yang bersama-sama mengagihkan sumbangan kepada Maahad Tahfiz yang terjejas.

Sebanyak 300 bakul keperluan harian diagihkan kepada golong B40 yang terdiri dari ibu tunggal, warga emas, OKU dan orang-orang asli. Sukarelawan yang hadir juga turut memberi khidmat menghantar bakul sumbangan ke rumah masing-masing bagi golongan tua dan juga OKU. Mereka terpaksa menaiki tangga sehingga ke tingkat 5 untuk menghantar sumbangan tersebut ke rumah-rumah penerima.

Sementara itu, Prof Dato Dr Imran Ho Abdullah berkata Misi Bantuan Kasih merupakan satu tanda betapa prihatinnya warga dan alumni UKM terhadap kesusahan yang di hadapi masyarakat umumnya. Melalui misi ini, UKM akan sentiasa tersemat di hati masyarakat, dan mereka bukan mengenali UKM sekadar sebagai sebuah gedung ilmu tetapi sebagai sebuah universiti yang sangat prihatin kepada masyarakat di sekitarnya. Gandingan utuh antara warga dan alumni adalah bukti kejayaan bagi setiap misi yang dianjurkan. Setinggi penghargaan juga diberikan kepada barisan sukarelawan misi yang terdiri dari warga dan alumni UKM yang sentiasa menunjukkan komitmen yang baik dari awal hingga selesai misi bantuan ini.





NUKILAN ALUMNI

UKM MENUJU KE KEMUNCAK

Sempena hari terakhir tahun 2020 apabila UKM berumur 50 tahun.

Dahulu orang sering memberi jolokan kepada UKM dengan nama yang kurang baik seperti, Universiti Kampung Malaysia, Universiti Kuat Mesyuarat, Universiti Kuat Makan, Universiti Kecil Malaysia, Universiti Kancil Malaysia (kereta Perodua Kancil lebih kecil dari kereta Proton Perdana), Universiti Kurang Menyerlah, dan lain-lain lagi. Pada awal penubuhan UKM dipandang sebagai universiti kelas dua. Pelajar UKM pernah menunjuk perasaan pada tahun 1978 ketika itu membantah ucapan Almarhum Tunku Abdul Rahman yang mengatakan orang Melayu yang masuk UKM kerana tak dapat masuk UM. Ada juga orang kampung atau orang yang tak faham Bahasa Melayu, dia faham Kebangsaan tu rendah kerana dia kata sebelum masuk sekolah menengah kena masuk sekolah kebangsaan dahulu. Jadi universiti pun begitu juga. Kalau masuk UKM ketika itu ada orang berkata jadilah asalkan masuk universiti. Banyak orang yang merasakan apabila keluar dari UKM tak boleh kerja di luar negara kerana tak boleh cakap oghang putih. Tetapi hakikatnya TIDAK BENAR.

Demikianlah tanggapan masyarakat ketika itu kerana UKM menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Siapa yang menggunakan Bahasa Melayu dianggap tidak boleh maju, itu sebab bila bercakap kena selit-selit Bahasa Inggeris sedikit seperti, husband I, darling I, father I, bila dah ada cucu dia sebut cucu I. Begitu kuatnya Imperialisme Bahasa pada Orang Melayu dan Orang Malaysia. Sampai pernah saya jumpa seorang penoreh getah pun pernah tulis pada baju untuk pergi menoreh dengan tulisan dengan tulisan " MY LAVE DARLING I " dia nak tulis Saya Cintakan Kekasih Saya. Dia pernah dengar orang sebut My lave (love) dan pernah dengar orang sebut Darling I. Jadi dia gabungkan My Lave Darling I. Bangga dia kerana boleh tulis dalam bahasa Inggeris walaupun dia tidak bersekolah.

Oleh sebab UKM sering dipandang rendah ketika itu, maka pihak UKM termasuk graduan dan pelajarnya berusaha membuat sesuatu untuk membuktikan yang mereka sebenarnya setaraf dengan keluaran universiti lain di dunia. Peningkatan demi peningkatan telah tertonjol dari masa ke semasa. UKM telah dikenali diperingkat antarabangsa. Anugerah Kualiti Perdana Menteri, pernah menduduki ranking di bawah 200 di dunia mengatasi UM, nombor 8 di kalangan negara OIC pada 2007 berbanding UM pada nombor 12 dan banyak lagi. Ketika itu belum banyak universiti terlibat dalam ranking, sekarang semua dah masuk, Itu pun UKM tersenarai dalam ranking 160 daripada lebih 30,000 buah universiti di dunia mengikut QS bagi 2019/2020. Pendidikan Kejuruteraan adalah yang tertinggi di Malaysia dari segi kualiti mengatasi universiti lain dan banyak lagi kejayaan UKM yang cukup membanggakan sehingga graduan sekarang tidak segan silu malah bangga mengatakan dia dari UKM. Pimpinan UKM yang sentiasa dinamik melonjakkan lagi nama UKM di persada antarabangsa. UKM sekarang terus bergerak menuju ke kemuncak. Setelah UKM berumur 50 tahun barulah ada dari kalangan alumni UKM yang dipercayai diangkat menjadi Naib Canselor UKM. Syabas Prof Dato' Dr. Mohd. Ekhwan Toriman Naib Canselor UKM yang ke 12. Semoga beliau dapat mengangkat UKM lebih terkehadapan. Demikianlah serba ringkas sejarah perubahan UKM dari sebuah Universiti Kampung Malaysia kepada Universiti Kemuncak Malaysia.

"Pimpinan UKM yang sentiasa dinamik melonjakkan lagi nama UKM di persada antarabangsa"



PROF. DATO' DR. BURHANUDDIN YEOP MAJLIS
(FAKULTI SAINS, 1979)

NUKILAN ALUMNI

HAPPY 50TH ANNIVERSARY UKM!

For those who have taken a keen interest in the development of higher education in Malaysia, the hitherto "unannounced" arrival of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in May 1970 must have caught them by surprise.

The pioneer students of UKM applied to University Malaya (UM) or University Science Malaysia (USM) to continue their tertiary education (as a matter of interest, USM was known as Universiti Pulau Pinang when it was first established in 1969). UKM was not on the horizon.

The coterie of planners for the establishment of UKM did a well-coordinated job bringing into existence the vision of a National University which had been long mooted by some nationalists since the 30s.

There was not enough impetus or push to translate a vision into reality. The time was ripe in 1970 and it is a historical move.

UKM spearheaded the use of Bahasa Malaysia in the rarefied realm of academe on May 18, 1970. Today all the 20 public universities of Malaysia followed the bold steps taken by UKM.

Looking back, the three considerations that the planners must have wrestled with were the Site, Staff and Students and Strategies. For the site, they were smart to locate the temporary campus of UKM in close proximity to UM for logistic purposes.

UM could provide ready human resources in terms of part-time lecturers and tutors.

Some premier secondary schools in KL and Dewan Bahasa dan Pustaka provided another source of part-time tutors and demonstrators. For long term planning UKM enlisted the services of professors and lecturers from Indonesia.

They were ready to lend their much needed service, a sense of Nusantara Brotherhood. For strategies UKM sent some of their brightest students to THE UK, US and Australia to do their Masters and PhD so that they could serve their Alma mater later as lecturers.

Many succeeded in their studies overseas. Their success is an endorsement of the credibility of the programmes the University has put in place. It is a two-pronged strategy.

The selection of Bangi as the permanent campus site was well thought out. The university needed space for future expansion and the campus must not be too far away from the intellectual hub of Kuala Lumpur.

Today, UKM has evolved to be a premier university in the region. Its success is the success of those who place confidence in Bahasa Malaysia as a medium of instruction in higher education.

UKM is celebrating its 50th Anniversary this year. We as the proud alumni of UKM wish our beloved Alma Mater Happy Golden Jubilee. May UKM continue to thrive in the years to come.

"We as the proud alumni of UKM wish our beloved Alma Mater Happy Golden Jubilee"



DR. KOH AIK KHOON
(FAKULTI SAINS, 1974)

NUKILAN ALUMNI

SASARAN AKADEMIK UTUH MANGKIN PENGHASILAN GRADUAN BERKUALITI

Aspirasi sesebuah universiti adalah untuk melahirkan graduan yang berkualiti yang menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai sektor. Graduan berkualiti adalah mereka yang berpengetahuan luas, mahir dalam penggunaan peralatan moden dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Kualiti seseorang graduan perlu diukur dan diketahui. Secara amnya terdapat beberapa instrumen yang boleh digunakan untuk menilai kesediaan graduan memasuki alam pekerjaan. Antaranya adalah Kebolehpasaran, Kebolehgajian dan Gaji Permulaan Minimum (GPM) merupakan kayu pengukur yang digunakan untuk menilai keberkesanan universiti dalam menghasilkan graduan yang dinanti-nantikan dan memenuhi citarasa bakal majikan. Walaubagaimanapun sehingga hari ini universiti masih melakukan usaha berterusan dan mencari ramuan terbaik dalam menghasilkan graduan yang bercirikan 'minda kelas pertama'. Corak pengurusan sesebuah program juga memainkan peranan penting dalam membentuk ciri graduan yang bakal dihasilkan. Ini digambarkan melalui model pengurusan akademik yang diamalkan di setiap universiti umumnya dan fakulti khususnya. Ia bermula melalui penetapan sasaran akademik melalui pembangunan Objektif Pendidikan Program (Program Educational Objectives, PEO). Apakah itu PEO? PEO merupakan sasaran atribut yang ingin dicapai apabila pelajar mereka bergraduat. Walaupun ia dapat diikuti dengan tepat setelah graduan berada tiga hingga lima tahun dilapangan kerja tetapi usaha-usaha memperkasakan atribut ini perlu dilakukan semasa mereka berada dalam alam universiti. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia menyatakan terdapat lebih dari 20 atribut yang menjadi sasaran akademik universiti-universiti di Malaysia samada dari kumpulan IPT awam atau swasta. Beberapa contoh atribut ini adalah kompeten, kepimpinan, inovasi, etika, keusahawanan dan profesionalisma dan banyak lagi.

Pembangunan dan semakan sesebuah PEO merupakan satu kerja yang mencabar dan memerlukan usaha yang besar dalam menentukan domain yang sebenar dan tepat dalam memenuhi keperluan dalaman dan luaran. Sasaran yang kabur dan tidak tepat menyebabkan universiti dikatakan 'rugi' dalam usaha yang telah digemblengkan kerana keperluan sebenar industri pada masa kini tersasar dari sasaran yang ditetapkan. Oleh itu, sesebuah PEO yang dibangunkan perlu mempertimbangkan dua keperluan iaitu Dalaman dan juga Luaran. Keperluan Dalaman merangkumi misi, visi dan matlamat pendidikan serta memenuhi hasrat dan keperluan jawatankuasa dalaman yang dibentuk. Ia selari dengan aspirasi yang disasarkan dan kedudukan universiti dalam sesebuah kluster contohnya kluster universiti penyelidikan, teknikal dan lain-lain. Keperluan Luaran pula meliputi kehendak pihak pemegang taruh seperti penasihat penasihat industri, perwakilan dari sektor kerajaan, universiti dan industri berkaitan. Kedua-dua keperluan ini perlu dipenuhi supaya graduan yang dihasilkan ini memenuhi kehendak industri semasa disamping dibentuk dalam acuan universiti tersendiri. Selain dari itu juga kajian perbandingan atau populariti berdasarkan atribut yang paling banyak digunakan di universiti-universiti di Malaysia juga membantu dalam mengenalpasti atribut yang sesuai sebagai sasaran akademik. Domain yang sesuai dan popular ini boleh dijadikan sebagai atribut PEO sebelum ia dibawa untuk dibincangkan dengan panel penasihat industri (IAP) dan mendapat kelulusan senat.

Objektif Pendidikan Program (PEO) merupakan sasaran akademik yang telah ditetapkan oleh sesebuah IPT dalam menghasilkan graduan yang memenuhi aspirasi universiti. Ini dapat diperhatikan melalui indikator utama pembentukan PEO iaitu selari dengan kehendak misi dan visi universiti. Di samping itu, PEO tersebut juga mesti memenuhi matlamat pengajian universiti. Oleh itu jelas di sini menunjukkan bahawa PEO merupakan hak milik universiti dalam menentukan spesifikasi graduan yang perlu dihasilkan. Selain dari PEO, pernyataan kedua yang penting yang mempengaruhi sisten pengurusan akademik adalah Hasil Program (Program Outcomes, PO). PO pula merupakan spesifikasi piawai graduan yang perlu dihasilkan bagi memenuhi keperluan standard akreditasi MQA atau lain-lain badan profesional seperti Washington Accord untuk program Kejuruteraan.

PEO akan menentukan tonggak dan setiap tonggak tersebut mesti disokong oleh atribut dalam PO. Sekiranya tonggak tersebut tidak disebut dalam pernyataan PO maka atribut baru perlu dimasukkan dalam pernyataan PO universiti. Atribut ini berbeza bagi setiap universiti dengan universiti yang lain. Ia menentukan Niche bagi sesebuah universiti. Pernyataan PEO dan PO mestilah menyokong antara satu sama lain.

PEO juga perlu disokong oleh pihak industri khususnya dalam menentukan atribut terkini yang diperlukan oleh lapangan industri yang berkaitan. Oleh itu input dari pihak industri sama ada dalam bentuk perbincangan atau soal selidik boleh digunakan dalam menentukan atribut yang perlu ada dalam PEO. Kebiasaannya atribut ini adalah selari dan sama seperti yang digunakan pada mana-mana universiti. Penentusahkan dari pihak industri boleh dilakukan pada peringkat pembangunan PEO ataupun di peringkat pembangunan PO. Setiap program pengajian mesti membangunkan sebuah sistem pembangunan PEO yang mantap dengan mengambil kira kesemua keperluan dan indikator yang ditetapkan.

Analisis Pertindihan dalam kajian Populariti memberikan penentuan domain yang digunakan dalam kebanyakan universiti di Malaysia. Penentuan domain popular dalam kluster yang sama penting dalam menentukan domain yang tepat yang diperlukan mengikut keperluan semasa oleh pihak industri disamping menyokong pencapaian misi dan visi sesebuah universiti. Di sini terdapat dua ciri domain iaitu statik dan dinamik. Domain statik merupakan atribut yang kekal dan tidak berubah walaupun berlaku semakan kurikulum. Domain ini merupakan yang diekstrak dalam misi dan visi universiti. Domain Dinamik pula merupakan atribut yang berkemungkinan berubah mengikut kepada keperluan semasa industri pada masa tersebut.

Pencapaian PEO boleh diukur menggunakan dua kaedah sama ada secara terus dan tak terus. Pengukuran terus biasanya melibatkan alumni melalui borang soal selidik yang mana soalan yang ditanya berbentuk tak terus. Butiran dimasukkan adalah lebih mendalam berbanding kaedah soal selidik tidak terus. Pengukuran tidak terus pula menggunakan soal selidik yang sama cuma soalan yang ditanya pula adalah terus. Pengukuran tidak terus juga boleh menggunakan pemetaan PEO-PO di mana pengukuran PO menentukan pencapaian PEO. Kaedah ini juga memberi manfaat dalam mengenal pasti PO yang terlibat yang menyumbangkan kepada pencapaian PO. Kedua-dua kaedah ini penting dalam menentukan pencapaian sebenar alumni (kaedah terus) dan mengenal pasti punca permasalahan melalui pemetaan kepada PO (kaedah tak terus). Ia adalah saling lengkap melengkapi dan membentuk satu sistem pengukuran dan penambahbaikan berterusan (CQI) program melalui pengukuran pencapaian PEO.

Bagaimanakah kedua-dua pernyataan ini penting dalam pembentukan struktur kurikulum? PEO akan menentukan tonggak dan PO pula menentukan atribut piawai dan kesemua komponen ini perlu dijelmakan menerusi struktur kurikulum sesebuah program. Ini bermaksud pernyataan PEO dan PO akan menentukan kursus-kursus yang perlu ditawarkan dalam struktur kurikulum. Tonggak menentukan Niche (ciri-ciri) manakala Atribut pula menentukan spesifikasi piawai yang perlu dipenuhi bagi setiap pengeluar contohnya dalam konteks ini adalah penghasilan graduan jurutera. Selain dari itu pengukuran pencapaian PEO juga merupakan indikator kepada kualiti struktur kurikulum yang digunakan dalam penghasilan graduan. Ia menentukan samada struktur program yang ada kini masih rasional dalam menghasilkan graduan yang disasarkan oleh universiti seperti mana yang dinyatakan dengan jelas dalam matlamat pendidikan.

Struktur program yang dibangunkan mestilah penuh makna dari segi susunan dan konfigurasi kursus-kursus yang mana yang mestilah cenderung untuk memperkasakan Tonggak dalam PEO dan mencapai atribut dalam PO. Proses pembelajaran seperti penyampaian, penilaian dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan digunakan untuk menyokong pencapaian ini. Maklumat pencapaian PEO dan PO digunakan untuk menambahbaik program. Oleh itu, Fakulti perlu menggunakan kaedah yang betul dan berkeboleharapan dalam membuat penilaian yang sebenar tentang prestasi pelajar dan graduan/alumni. Ini adalah satu kewajipan. Selain dari itu struktur kurikulum ini juga mesti memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa sebagai contohnya revolusi industri ke-empat yang menjadikan Big Data dan Sains Data sebagai perkara utama. Oleh itu kursus-kursus sediaada perlu dikemaskinikan dari segi kandungannya dan

juga pengenalan kursus-kursus baru yang ditawarkan secara wajib dan elektif adalah perlu dipertimbangkan bagi mempersiapkan siagakan pelajar dengan pengetahuan-pengetahuan ini. Usaha-usaha lain diluar kurikulum juga perlu dipergiatkan bagi memantapkan pelajar dengan keperluan lain sebagai contohnya kemahiran perisian-perisian yang menyokong kepada penerokaan ilmu baru ini. Kesemua ini akan memerlukan satu sistem pengurusan akademik yang mantap bagi menjadikan berkesan dan mencapai objektif yang disasarkan.

Model Pengurusan Akademik adalah penting sebagai asas kepada pencapaian aspirasi universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti seiringan dengan matlamat pendidikan yang disasarkan. Pengurusan akademik yang mantap bukanlah bergantung kepada struktur kurikulum, teknik pengajaran dan mahupun penilaian semata-mata tetapi memerlukan sistem sokongan yang padu seperti struktur governan, sistem pengurusan dokumentasi, sistem pengurusan fail kursus, semakan kurikulum, sistem penilaian, prasarana, sistem CQI dan sokongan-sokongan lain. Pelaksanaan sistem akademik ini memerlukan kerjasama semua pihak termasuk pihak pengurusan dan kedekanan, jabatan dan juga kakitangan sokongan dan juga pelajar-pelajar.

Strategi perlaksanaan perlu disusun bagi mendapat pulangan terbaik buat para graduan yang bakal dilahirkan. Setiap strategi yang dirancang perlu ditetapkan tempoh masa yang sesuai untuk mencapainya. Pada kebiasaan mengikut Semester atau Cohort tahun kumpulan pengajian yang terlibat. Prestasi graduan boleh dilihat dan dipantau dengan membandingkan prestasi terkini dengan sasaran terakhir yang hendak ditetapkan. Tempoh jangka masa untuk penilaian amat penting bagi memberi masa dan ruang persediaan yang mencukupi buat graduan ini membina tahap kematangan (ready-package) dalam pengajian dan pencapaian atribut yang diperlukan. Sehubungan itu juga pendedahan awal tentang matlamat jangka pendek dan jangka panjang perlu diwar warkan kepada pelajar. Tanggungjawab para pensyarah memaklumkan kepada pihak terlibat dengan hasrat Visi dan Misi Fakulti agar para pelajar bersedia mengharungi cabaran dengan penetapan sasaran bagi mencapai objektif halatuju pembelajaran bagi mencapai tahun sebenar graduan terpelajar.

Oleh itu dapat disimpulkan di sini penetapan sasaran, usaha pemerkasaan, penilaian reflektif dan berkeboleharapan, instrumen kebolehasaran, penambahbaikan berterusan, kemudahan kondusif, pembelajaran yang efektif dan kolaborasi strategik dari pemegang taruh dan alumni antara penyumbang utama kepada penghasilan kualiti graduan yang bercirikan minda kelas pertama.

“Model Pengurusan Akademik adalah penting sebagai asas kepada pencapaian aspirasi universiti dalam melahirkan graduan yang berkualiti seiringan dengan matlamat pendidikan yang disasarkan”



PROF. IR. DR. MOHD SYUHAIMI AB RAHMAN

(FAKULTI KEJURUTERAAN DAN ALAM BINA 2000, 2003, 2007)



NUKILAN ALUMNI

PENGURUSAN PERHUBUNGAN ALUMNI DALAM NORMA BAHARU

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia memberi kesan kepada semua lapisan masyarakat dan pelbagai sektor ekonomi di muka bumi ini. Usaha memutuskan rantaian jangkitan pandemik ini memaksa kerajaan mengambil pelbagai langkah drastik seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di mana di bawah setiap perintah ini, pelbagai standard operating procedure (SOP) ketat perlu dipatuhi oleh semua rakyat. SOP yang ketat ini telah mengehadkan kebebasan yang dinikmati rakyat sebelum ini, terutamanya program atau aktiviti berbentuk sosial yang melibatkan perhimpunan dalam skala yang sederhana dan besar. Pengurusan perhubungan alumni universiti turut terkesan daripada situasi ini. Banyak program sosial bersama alumni yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan atau bertukar kaedah pelaksanaannya. Namun, ini tidak menjadi penghalang kepada penganjuran pelbagai program bersama alumni dengan adanya inovasi dan pengubahsuaian dalam norma baharu.

Perkembangan teknologi maklumat membolehkan pelbagai aktiviti dapat dilakukan secara dalam talian. Program bersemuka kini boleh dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi seperti zoom, google meet, Microsoft Teams dan sebagainya. Justeru, program perhubungan alumni turut dapat diteruskan melalui kaedah ini. Umum mengetahui bahawa alumni sesebuah universiti memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelestarian alma mater. Sumbangan alumni dalam pelbagai bentuk mampu membantu alma mater dalam pelbagai aspek seperti kebolehpasaran graduan, reputasi universiti, jaringan dan penajaan. Oleh itu, hubungan antara alumni dan alma mater tidak harus terputus kerana penularan pandemik COVID-19. Dalam usaha mengekalkan hubungan akrab antara alma mater dan alumni dalam norma baharu ini, kaedah kreatif dan inovatif adalah penting untuk difikirkan dan diamalkan bagi memastikan pengurusan dan perhubungan alumni dapat dilaksanakan dengan efektif dan berimpak.

Program berbentuk webinar secara dalam talian dan secara langsung di media sosial seperti facebook dan youtube merupakan suatu norma baharu. Pelbagai program webinar seumpama yang dianjurkan oleh pelbagai pihak dengan pelbagai kandungan yang bermanfaat kepada masyarakat secara percuma. Program secara dalam talian ini memudahkan peserta menyertainya dari lokasi yang berbeza tanpa perlu menghadiri secara fizikal. Alumni universiti merupakan golongan berpendidikan tinggi dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang. Justeru, program berbentuk webinar untuk berkongsi ilmu adalah amat sesuai untuk dilaksanakan bersama alumni universiti. Perkongsian ilmu dan maklumat secara dalam talian ini bukan sahaja dapat menyalurkan info bermanfaat dengan masyarakat, malah dapat juga membina jaringan antara alumni dan alma mater. Pusat yang menguruskan perhubungan alumni perlu proaktif dalam mengenalpasti isu-isu semasa yang menarik untuk dikupas oleh alumni yang bersesuaian, contohnya alumni UKM dalam bidang perubatan dan farmasi yang berkongsi maklumat tentang vaksin COVID-19 yang sedang hangat dibincangkan.

Norma baharu menyebabkan kebanyakan orang banyak meluangkan masa di rumah. Justeru, program bersama alumni juga perlu beralih ke arah itu. Pelbagai aktiviti dalam talian seperti larian dan kayuhan maya banyak dianjurkan oleh pelbagai institusi. Universiti mempunyai jumlah alumni yang besar, terutamanya universiti yang lama dan ini bermakna potensi peserta adalah besar. Selain itu, program seumpama dapat menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup yang sihat walaupun dalam keadaan pandemik dan kebebasan yang terbatas. Contohnya di UKM, penganjuran aktiviti seperti cabaran kenang kembali konvokesyen, jelajah maya, pertandingan video dan lain-lain meraih penyertaan dan sambutan yang memuaskan daripada para alumni. Program seperti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan maklumat alumni dalam pangkalan data pusat alumni. Alumni digalakkan untuk sentiasa aktif dan mengambil bahagian dalam program seumpama.

PKP menyebabkan banyak pihak yang terkesan. Dalam keadaan ini, sikap bantu membantu sesama manusia adalah amat penting. Pengurusan dan perhubungan alumni boleh menggerakkan usaha untuk mengumpul dana dan sumbangan daripada alumni untuk disalurkan kepada pihak yang memerlukannya. Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menggerakkan pelbagai kutipan sumbangan daripada alumni untuk membantu pelbagai golongan terkesan. Alumni UKM yang bermurah hati telah memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan melalui inisiatif pusat alumni. Sejak PKP pertama, pihak yang telah menerima sumbangan dan bantuan daripada alumni UKM adalah antaranya barisan hadapan di hospital dan pelajar UKM sendiri. Baru-baru ini, bencana banjir yang melanda negara ini turut mendapat perhatian alumni UKM. Sumbangan telah disalurkan kepada mangsa melalui Misi Bantuan Kasih (MBK). Bantuan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Kelantan, Pahang dan Selangor. Tidak dilupakan juga pelajar yang menghadapi masalah dalam pembelajaran dalam talian. Para alumni telah membantu dengan memberikan sumbangan untuk memperbaiki komputer riba pelajar.

Hubungan antara alumni dan alma mater adalah suatu hubungan berbentuk simboisis dan perlu diuruskan dengan baik. Keadaan pandemik walaupun membawa kesukaran dalam pelbagai aspek, namun kaedah baharu perlu diteroka bagi meneruskan hubungan erat ini. Kemajuan dalam bidang ICT sememangnya telah mendekatkan jarak antara manusia. Justeru itu, ianya merupakan alternatif yang terbaik untuk diaplikasikan dalam menguruskan hubungan alumni—alma mater. Seperti juga dalam hubungan persahabatan, hubungan yang baik memerlukan komitmen daripada kedua-dua pihak. Pihak universiti telah menunjukkan komitmennya melalui Pusat Perhubungan Alumni yang telah merencanakan pelbagai inisiatif untuk menghubungkan alma mater dan alumni melalui pelbagai program dan platform. Para alumni pula menunjukkan komitmen dengan mentokong dan menyertai aktiviti universiti.

Wakil alumni dalam lembaga pengarah UKM, iaitu Dato' Yeow Wah Chin dan baru-baru ini, pelantikan Naib Canselor UKM yang pertama daripada alumni UKM, iaitu Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman menunjukkan penglibatan alumni secara langsung dalam mengemudi universiti. Di bawah nakhoda beracuan UKM, UKM pasti akan mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Alma mater dan alumni sememangnya berpisah tiada.

“hubungan antara alumni dan alma mater tidak harus terputus kerana penularan pandemik COVID-19”



DR. LAI WEI SIENG

(FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI 2008, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN 2010, 2016)



NUKILAN ALUMNI

CERITA LAILY BIN DIN

Setelah lulus peperiksaan Sijil Rendah Persekolahan (SRP) di Sekolah Sultan Yussuff, Batu Gajah, Perak pada penghujung tahun 1967, saya telah ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ke tingkatan empat di Sekolah Alam Shah (SAS), Cheras pada awal tahun 1968. Saya mengikuti pengajian dalam bidang sains. Setelah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1969, saya meneruskan persekolahan ke tingkatan enam. Dengan kelulusan Sijil Tinggi Persekolahan dalam bidang sains pada tahun 1971, saya berjaya mendapat tempat menyambung pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mulai bulan September 1972. Saya adalah seorang daripada pelajar kumpulan kemasukan ketiga UKM. Sewaktu mendaftar sebagai pelajar UKM di Kampus Lembah Pantai, saya terpancang seorang yang sangat saya hormati. Beliau ialah Profesor Dr Ghazali Abd Rahman, Dekan Fakulti Sains pada masa itu. Melihat beliau telah membawa ingatan saya kembali pada satu hari di tahun 1970. Waktu itu saya dalam tingkatan enam bawah. Dr Ghazali telah datang ke Sekolah Alam Shah di Cheras dalam rangka memberi ceramah untuk menggalakkan pelajar sekolah, terutama pelajar Melayu mengambil jurusan sains. Hampir kesemua pelajar hadir di dewan besar sekolah untuk mendengar ceramah beliau. Beliau memulakan ceramahnya dengan menceritakan pengalaman nya belajar di University of Western Australia sehingga memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang biokimia. Beliau menceritakan bagaimana penyelidikan untuk ijazah PhD nya melibatkan pengumpulan dalam jumlah yang besar air kencing wanita yang hamil, dalam rangka mengkaji hormon yang terkandung dalam air kencing itu. Kami semua terpegun mendengar cerita itu, dan hati saya berkata ilmu sains ini satu cabang ilmu yang sangat mencabar dan berazam untuk menjadi seorang ahli sains.

Dalam tahun pertama dan tahun kedua pengajian di Fakulti Sains, UKM, bidang teras pengajian saya ialah kimia dan biologi. Selain itu saya juga mengambil subjek elektif iaitu fizik, geologi dan matematik. Disamping itu kami juga wajib mengambil subjek Bahasa. Bagi pelajar yang Bahasa Inggerisnya baik, diminta mengambil bahasa lain seperti bahasa mandarin, Thai dan Perancis. Saya mengambil Bahasa Inggeris kerana penguasaan Bahasa Inggeris saya belum kukuh.

Fakulti Sains UKM menggunakan sistem sukuan tahun (Quaternary year system), iaitu empat sukuan tahun dalam satu sesi pengajian, sementara Fakulti Sastera (FSas), Fakulti Islam (FI) dan Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) menggunakan pendekatan dua penggal dalam satu sesi pengajian.

Setiap pelajar Fakulti Sains diwajibkan mengambil dua subjek daripada fakulti lain, sementara pelajar daripada Fakulti Sastera, Fakulti Islam dan IBKKM diwajibkan mengambil dua subjek sains umum.

Semasa saya dalam tahun satu, saya memilih subjek antropologi iaitu Orang Asli di Malaysia dan pensyarahnya Dr Hood Salleh, dan di tahun dua pengajian, saya mengambil subjek ekonomi iaitu Ekonomi Mikro. Saya juga mendaftar sebagai pelajar Diploma pendidikan. Tetapi saya tidak dapat mengikuti program Diploma pendidikan itu hingga selesai kerana pengajian saya hanya setakat Ijazah Sarjanamuda Sains yang mengambil masa tiga tahun. Saya hanya boleh menyelesaikan program Diploma Pendidikan itu jika saya menyambung pengajian ke tahun empat iaitu tahun kepujian.

Dalam setiap sukuan tahun, semua pelajar Fakultti Sains menghadiri kuliah, amali dan tutoran selama sepuluh minggu dan menduduki peperiksaan pada minggu kesebelas. Minggu keduabelas cuti dan selepas itu bermula lagi sukuan kedua dan sukuan ketiga. Sukuan keempat digunakan untuk kerja lapangan.

Walaupun sistem pengajian sukuan tahun ini amat ketat dan padat, saya dapat juga mengguna masa yang terluang untuk bersukan, menonton wayang gambar, mendengar ceramah dan bersantai bersama kawan. Saya juga menjadi penjual akhbar Gema Siswa yang diterbitkan oleh Persatuan Mahasiswa UKM. Saudara Dino SS, salah seorang daripada siding pengarangnya, akan menyerahkan 50 hingga 100 naskhah kepada saya untuk dijual. Tempat jualan saya amat strategik, iaitu laluan utama ke bilik bilik kuliah. Saya akan menahan, terutama pelajar wanita dan menghulurkan akhbar Gema Siswa. Biasanya mereka tidak pun bertanya sebaliknya terus membayar. Daripada jualan itu, saya akan mendapat komisen sebanyak rm3 bagi setiap rm10 jualan. Kerja ini membolehkan saya kenal ramai pelajar dan menjadi sahabat sehingga sekarang.

Ditahun ketiga pengajian, saya mengambil keputusan untuk mengkhusus dalam bidang kimia. Ini bermakna saya wajib mengikuti kuliah dan amali tiga cabang besar ilmu kimia dimasa itu, iaitu kimia fizikal, kimia tak organik dan kimia organik. Walaupun saya lulus kesemua subjek kimia fizikal, kimia tak organik dan kimia organik, tetapi kekuatan saya lebih menyerlah dalam kimia organik. Saya masih ingat bagaimana terujanya saya apabila Profesor Ooi Ban Lian, pensyarah dari Institut Teknologi Bandung, yang masuk ke kelas dengan hanya membawa beberapa batang kapur tulis dan secawan milo panas setiap kali memberi kuliah, tanpa membawa nota kuliah. Dua lagi pensyarah yang membuatkan saya terus tertarik kepada kimia organik ialah Dr Terrance Oscar Read, pensyarah yang didatangkan dari Kelsterton College, North East Wales Institute, UK dan Dr Robert Pffifer dari USA. Kedua dua mereka ini menambahkan kefahaman saya kepada kimia organik, setelah diberikan asas yang kukuh oleh Profesor Ooi Ban Lian.

Selain ketiga tiga pensyarah kimia organik yang saya nyatakan, Profesor Noramly Muslim, walaupun dalam kesibukan membantu membangunkan Fakulti Sains khasnya dan juga penggerak pembangunan UKM secara amnya, sempat juga memberi kuliah kimia organik kepada kami. Rasanya tidak lengkap jika saya tidak menyebut nama pensyarah kimia yang lain dalam artikel ini. Saya dan rakan rakan yang mengambil jurusan kimia juga mendapat khidmat pensyarah Profesor Izrin Noerdin untuk kimia analisis, Profesor Frank Young dan Dr Gary Kuehlenz untuk kimia tak organik, Profesor Achmad Amiruddin dan Profesor Muhammad Salleh Suwandi (Pak Suwandi) untuk kimia Fizikal. Sri Nuresteri juga sempat mengajar saya sewaktu berada seketika dalam tahun kepujian (Tahun 4). Peristiwa yang saya masih jelas dalam ingatan saya ialah peperiksaan subjek kimia fizikal tahun tiga pengajian yang di ajar oleh Pak Suwandi. Peperiksaan dijalankan pada pagi Ahad di bilik kuliah di kampus Lembah Pantai. Pak Suwandi tiba lengkap berpakaian sukan warna putih dan membawa kertas soalan. Sebelum peperiksaan bermula pada jam 8.30 pagi, Pak Suwandi memberi taklimat bahawa peperiksaan itu mengikut format buku terbuka (open book), dan kami dibenarkan membawa dan membuka sebarang buku teks kimia. Sebaik peperiksaan bermula, Pak Suwandi bergegas ke gelanggang tenis untuk bermain tenis dengan rakan pensyarah yang lain. Kami, bukan sahaja membuka buku, malah riuh rendah berbincang untuk menjawab soalan soalan yang diberikan. Ada juga beberapa rakan yang sempat berkejar ke perpustakaan UKM dan perpustakaan di Universiti Malaya untuk mencari maklumat berkaitan dengan soalan yang ditanyakan. Walaupun begitu tidak ada seorang pun daripada kami yang dapat menjawab kesemua soalan dengan lengkap. Kira kira jam satu tengah hari, Pak Suwandi kembali untuk mengutip kertas jawapan. Minggu berikutnya, Pak Suwandi memaklumkan keputusan peperiksaan, walaupun kami semua lulus tetapi markah yang diperolehi tidak memuaskan.

Disekitar bulan Julai 1975, saya menerima surat daripada UKM, menyatakan saya lulus dan akan mendapat Ijazah Sarjanamuda Sains (Kimia) dan layak menyambung pengajian ketahun empat yang akan bermula pada bulan September 1975 untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sains dengan Kepujian (SMSn Kepujian) dalam bidang kimia. Saya tak ingat dengan tepat jumlah kami yang berjaya masuk ke tahun empat. Mungkin 25 orang. Pada bulan Julai itu juga Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) memerlukan graduan kimia dengan Ijazah Sarjanamuda Sains sebagai tutor. Ramai rakan saya yang memohon jawatan tutor di UTM dan UPM dan hampir kesemua mereka diterima. Lantaran itu, hanya tinggal lima orang sahaja pelajar kimia yang akan mengikuti pengajian tahun empat iaitu saya, Murtedza Mohamed, Maimunah Sokro, Harun Hj Hamzah dan Mohd Jelas Harun. Apabila berita ini sampai

ke pengetahuan Dr Jamjan Rajikan, pensyarah di Jabatan Kimia waktu itu, bertindak memanggil kelima lima kami untuk memohon jawatan tutor UKM. Empat daripada kami diterima kecuali Mohd Jelas Harun kerana tak mendapat pelepasan daripada penaja. Walau bagaimanapun, akhirnya Mohd Jelas Harun menjadi pensyarah dan seterusnya professor kimia di UPM.

Semasa menunggu pelantikan secara rasmi sebagai tutor, Profesor Noramly Muslim yang waktu itu Ketua Jabatan Kimia, menerusi jaringan kerja yang telah dibinanya, saya, Harun Hj Hamzah dan Maimunah Sokro telah disediakan tempat menyambung pengajian di peringkat Diploma Pascasiswazah dalam bidang kimia (Post Graduate Diploma of Advanced Studies in Chemistry@ PGDipChem) di Kelsterton College of Technology, North Wales, United Kingdom. Manakala Murtedza Mohamed mendapat tempat di University of Brunel juga di United Kingdom. Tiba bulan September 1975, kami berempat tidak lagi mengikuti program pengajian tahun kepujian sebaliknya berangkat ke United Kingdom untuk meneruskan pengajian. Keberangkatan kami ke UK menggunakan penerbangan SABENA Airlines, yang transit di Brussels dan seterusnya ke London. Bayangkan betapa genuruhnya hati saya semasa dalam pesawat, kerana ini adalah pertama kali saya menaiki pesawat.

Sesampai kami bertiga di Kelsterton College of Technology, kami ditempatkan di asrama dan kuliah bermula pada penghujung September 1975. Asrama kami bersambungan terus dengan kompleks Kelsterton College of Technology dan lengkap dengan kemudahan sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam. Kelas kami terdiri daripada lima pelajar Malaysia (tiga orang UKM yg terdiri daripada dua lelaki (saya dan Harun Hj Hamzah) dan seorang wanita (Maimunah Sokro, seorang pelajar lelaki (Adnan Khalid) iaitu pegawai Pusat Tenaga Atom Tun Dr Ismail (Puspati) dan seorang pelajar lelaki (Anuar Kassim) tutor UPM, dua orang pelajar wanita (Yashminia Barrios dan Nilda Yaner) dari Venezuela, seorang pelajar lelaki (Ali Mojalali) dari Iran dan seorang pelajar lelaki (John Nylander) dari Liberia, Afrika Barat. Kami mengikuti kuliah dan amali dalam subjek kimia lanjutan (advanced chemistry). Program berjalan selama Sembilan bulan dan kami menduduki peperiksaan dalam bulan Jun 1976 diikuti dengan program kaedah pengajaran selama enam minggu di Wrexham Teachers Training College di Wrexham, Wales yang terletak kira-kira 15 kilometer daripada Kelsterton College of Technology. Di Wrexham, kami juga menginap di asrama yang lengkap dengan sarapan pagi, makan tengahari dan malam.

Kami tamat dan lulus pengajian di Kelsterton College of Technology dan Wrexham Teachers Training College pada penghujung Julai 1976. Kelsterton College of Technology dan Wrexham Teachers Training College ini adalah institut pengajian tinggi bernaung dibawah North East Wales Institute (NEWI). Saya, Harun Hj Hamzah dan Maimunah Sokro berangkat ke Manchester dan terus mencari tempat tinggal. Saya mendapat tempat tinggal di Student Village, Castle Irwell yang lebih kurang satu kilometer daripada Universiti. Harun Hj Hamzah dan Maimunah menyewa flat di Eccles, Manchester. Sebaik selesai dengan urusan tempat tinggal, kami bertiga terus menemui Dr Peter Low seorang pensyarah di Department of Chemistry yang bertugas membantu pelajar

Pada bulan September 1976, saya mendaftar secara rasmi sebagai pelajar Sarjana Sains menerusi kaedah penyelidikan bidang kimia organik sintesis, Harun Hj Hamzah dalam bidang elektrokimia dan Maimunah Sokro dalam bidang kimia polimer. Kami bertiga benasib kerana selepas tiga bulan menjalankan penyelidikan, program pengajian kami di ubah menjadi program Doktor Falsafah, yang bermakna jika kami lulus, kami akan mendapat ijazah Doktor Falsafah @ PhD. Kami juga bernasib baik kerana UKM yang memberi cuti belajar dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang membiayai pengajian kami telah memberikan kelulusan.

Perojek penyelidikan saya berjalan dengan baik saya dan penyelia saya Berjaya menerbitkan tiga artikel dalam jurnal. Saya berjaya menamat dan lulus pengajian saya pada penghujung bulan November 1979. Harun Hj Hamzah lulus pada awal bulan Disember 1979. Saya dan Harun Hj Hamzah hadir di konvokesyen University of Salford pada 17 Disember 1979, dan kami berdua dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah. Maimunah lulus dalam bulan Februari 1980.

Saya berangkat Pulang ke Malaysia pada 30 Disember 1979 dan tiba di Lapangan Terbang Subang kira kira jam 2 petang pada 31 Disember 1979. Keluarga saya yang sedia menunggu kepulangan saya agak terkejut apabila saya meminta dibawa terus ke Jabatan Kimia, UKM di Kampus Lembah Pantai. Sesampai di Jabatan Kimia UKM lebih kurang jam 3.30 petang, saya terus melaporkan diri kepada Ketua Jabatan, Dr Hamid Othman dan berdaftarlah saya sebagai pensyarah pada hari itu. Maka bermula lah episod baharu hidup saya sebagai pensyarah kimia organik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebagai pensyarah, saya terlibat dalam pengajaran, penyelidikan dan juga pentadbiran. Jawatan pentadbiran yang pertama ialah sebagai Pengetua Kolej Kediaman Sains, Lembah pantai pada mulai Jun 1981 hingga April 1982.

Bulan September 1982, Fakulti Sains berpindah sepenuhnya ke Kampus Induk di Bangi, dan pengajian juga bermula pada bulan September 1982. Sistem pengajian di semua fakulti di UKM sudah berubah sepenuhnya kepada sistem semester, iaitu dua semester setiap satu sesi pengajian. Saya berkahwin dengan Normah Ismail pada 15 November 1981 dan dikurniakan anak pertama, seorang lelaki pada 21 Oktober 1982. Sejak anak kami berusia 28 hari, saya telah diminta membantu mengajar kimia organik di Fakulti Sains dan Sumber Alam, Kampus UKM Sabah di Kota Kinabalu di semester dua sesi pengajian 81/82. Perasaan bercampur baur kerana terpaksa meninggalkan isteri saya yang baharu melahirkan anak pertama kami. Perasaan itu terbawa bawa hingga ke Kota Kinabalu, tetapi segera berkurangan apabila mula sibuk dengan pengajaran dan mula menjalankan penyelidikan. Perkhidmatan di Kampus UKM Sabah telah membuka minat saya dalam bidang penyelidikan kimia sebatian semulajadi tumbuhan, kerana di Sabah saya terdedah dengan alam tumbuhan yang amat tinggi kepelbagaiannya. Setelah itu setiap tahun selama tiga tahun berturut turut saya akan ke Kampus UKM Sabah untuk membantu pengajaran kimia organik, sebelum kepulangan pensyarah yang sedang cuti belajar. Setiap kali ke Sabah, saya akan mengambil peluang mengutip sampel tumbuhan di merata tempat untuk dijadikan bahan penyelidikan saya dan juga pelajar.

Di Kampus Induk Bangi, kegiatan penyelidikan sebatian semulajadi sedang berkembang dengan baik sekali. Pada 1985, kami telah menubuhkan satu kumpulan penyelidik sebatian semulajadi yang waktu itu terdiri daripada pensyarah kimia dan pensyarah botani daripada beberapa uiversiti awam. Kegiatan pertama kumpulan ini ialah aktiviti penyaringan fitokima tumbuhan di Hutan Pusat Latihan Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Bukit Rengit, Lanchang, Pahang. Pada tahun 1995, kumpulan ini dijenamakan sebagai Kumpulan Penyelidik Sebatian Semulajadi dan seterusnya bertukar nama sekali lagi menjadi Persatuan Sebatian Semulajadi Malaysia (PSSM) yang dikenal di peringkat antarabangsa sebagai Malaysian Natural Products Society. Persatuan ini amat aktif menganjurkan seminar antarabangsa sebatian semulajadi dan cabang sains yang berkaitan dengannya setiap tahun. Saya amat aktif dalam persatuan ini dan pernah menjadi setiausaha PSSM.

Pengajaran dan Penyelidikan saya juga makin baik dan pada pada bulan Oktober 1989 saya dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya dan pada masa yang sama saya dilantik menjadi Pegawai Pengawas Keselamatan, satu jawatan pentadbiran yang kedua bagi saya, yang bertanggungjawab menyelia penyimpanan dan pembuangan sisa kimia di UKM. Jawatan itu tamat pada bulan September 1990.

Pada 1 Julai 1993 hingga 30Jun 1996 saya dipinjamkan ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjawatan Profesor dan dilantik sebagai Dekan pertama, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Pada 1 Julai 1996 hingga 30 Jun 1997 saya kembali berkhidmat semula di UKM sebagai Profesor Madya dan seterusnya pada 1 Julai 1997 saya dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor. Mulai Oktober 1998 saya dilantik sebagai Pengarah Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) sehingga Disember 2002. Pusat Kembangan Pendidikan adalah entiti UKM yang menjalankan program pengajian peringkat pra dan pascasiswazah dalam bentuk komersil untuk mereka yang sedang bekerja dan juga untuk kursus khusus bagi pelajar antarabangsa. Antara program yang mendapat tempat dikalangan mereka yang sedang bekerja ialah program Ijazah Sarjanamuda Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan. Kita juga bekerjasama dengan beberapa kolej swasta dalam menawarkan beberapa program pengajian. tugas ini memberi pendedahan kepada saya sebagai seorang usahawan dalam pendidikan.

Setelah tamat perkhidmatan saya di PKP, saya kembali ke Fakulti Sains UKM dan terus menjalankan pengajaran, penyelidikan, penerbitan, membenteng hasil penyelidikan di seminar dan simposium dan menyelia pelajar pascasiswah.

Mulai 1 Mac 2003, saya dilantik menjadi Timbalan Dekan (Siswazah), Fakulti Sains dan Teknologi sehingga 3 Okt 2004 dan seterusnya mulai 4 Okt 2004 sehingga 10 Mei 2007, saya dilantik menjadi Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Tugas di PPS amat mencabar sekali kebolehan pentadbiran saya, kerana waktu itu bilangan pelajar siswazah UKM yang ramai dan juga bertindak memantau kemajuan pelajar siswazah di institut penyelidikan di UKM. Mulai 11 Mei 2007 PPS di jenamakan pula sebagai Pusat Pengurusan Siswazah dan saya dilantik sebagai Pengarah Pusat ini sehingga 24 Julai 2010, sehari sebelum saya bersara wajib sebagai ahli akademik UKM. Sebelum bersara saya telah memohon untuk jawatan sebagai professor kontrak, dan permohonan saya telah diluluskan dan dilantik sebagai Pengarah, Pejabat Perhubungan Alumni, UKM mulai 26 Julai 2010. Sewaktu berada di Pejabat Perhubungan Alumni UKM (PPAUKM) saya dan staf PPAUKM telah menjalankan pelbagai kegiatan seperti mengukuhkan ikatan Alumni UKM daripada negara-negara luar, membuat pertemuan dengan alumni UKM dalam negara dan menubuhkan tabung pembangunan Kompleks Alumni UKM. Setelah kontrak saya tamat pada 24 Julai 2013, saya juga telah diberi peluang memperbaharui kontrak sebagai professor di Fakulti Sains dan Teknologi bermula 25 Julai 2013 sehingga 25 Julai 2015.

Semasa berkhidmat di UKM, saya telah menyelia 11 orang pelajar Doktor Falsafah (PhD) dan 13 orang pelajar Sarjana Sains. Saya juga aktif dalam persatuan profesional dan menjadi Felo Institut Kimia Malaysia (FMIC) sejak 2007, Felo Akademi Sains Malaysia (FASc) sejak 2010, Ahli Kehormat Persatuan Sebastian Semulajadi Malaysia (MNPS) sejak 2015 dan saya juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pulau Banding dari tahun 2016 hingga tahun 2018. Pada tahun 1996 saya telah dianugerah Darjah Kebesaran Paduka Mahkota Perak (PMP) diikuti dengan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) pada tahun 2002. Kedua darjah kebesaran yang saya peroleh dianugerahkan oleh Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah.

Di majlis konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia yang ke 33, pada 5 November 2016 saya telah dianugerah gelaran Profesor Emeritus. Saya dan keluarga amat bersyukur dan berterima kasih kepada UKM kerana anugerah ini. Sebagai tanda penghargaan kepada UKM, saya telah memberi syarahan umum di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), jam 2.30 petang, hari Jumaat, 2 Disember 2016. Majlis syarahan ini dihadiri oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, ahli-ahli akademik FST, pegawai-pegawai pengurusan universiti, pelajar-pelajar FST, kawan-kawan dan kenalan saya, dan juga ahli keluarga saya. Syarahan saya bertajuk Penyelidikan Sebastian Semulajadi: Dulu, Kini & Akan Datang. Saya dedikasikan syarahan ini kepada tiga tokoh yang sangat saya hargai dan hormati iaitu Allahyarham Profesor Datuk Dr Ghazali Abd Rahman, Profesor Datuk Dr Noramly Muslim dan Profesor Dato' Dr Jamjan Rajikan.

Saya berkahwin dengan Normah Ismail, mempunyai seorang anak lelaki (Aki Najmuddin) dan seorang anak perempuan (Naimah). Aki sudah berkahwin (Isteri Fatin Izzati) dan kami mempunyai dua orang cucu laki-laki, Muhammad Farish Azeem dan Muhammad Fariq Aqil.

"Saya berjaya mendapat tempat menyambung pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mulai bulan September 1972"



PROF. EMERITUS DATO' DR. LAILY DIN

(FAKULTI SAINS TEKNOLOGI, 1975)

JEJAK ALUMNI

Pada 11 Februari 2021, Pusat Perhubungan Alumni UKM yang diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Mohd Syuhaimi bin Ab Rahman, Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UKM telah menyantuni salah seorang alumni hebat UKM iaitu YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Bin Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air. Beliau banyak berkongsi tentang pengalaman ketika belajar di UKM.

Selain itu, pelbagai perkara turut dibincangkan antaranya pembangunan UKM di masa akan datang, program alumni bersama pelajar, pembinaan kompleks alumni dan kerjasama alumni bersama UKM pada masa akan datang demi meningkatkan nama UKM di peringkat antarabangsa.


Semoga hubungan alumni dan UKM sentiasa kukuh dan utuh, serta sama-sama berbakti kepada masyarakat.



SANTUNI ALUMNI

Program Santuni Alumni yang diwakili oleh ahli Majlis Alumni Universiti (MAU), En Samuel Lee bertemu dengan YB Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan 2005), Timbalan Ketua Menteri I Sabah / Menteri Kerja Raya Sabah dan YB Datuk Dr. Joachim Gunsalam (Fakulti Perubatan 1984), Timbalan Ketua Menteri III Sabah / Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah. Pertemuan juga diadakan bersama Dr. Jamili Nas (Fakulti Sains Hayat 1988), Setiausaha Tetap Kementerian Perlancongan, Budaya dan Alam Sekitar.

Antara perkara yang dibincangkan ialah perancangan Pusat Perhubungan Alumni UKM untuk mengajurkan Majlis Hi Tea bersama alumni UKM di Sabah dan program-program alumni bersama universiti yang akan dianjurkan pada masa akan datang.



BICARA ALUMNI

Siri Bicara Alumni UKM

BICARA VAKSIN COVID-19

6 MAC SABTU 2021
3.00 PETANG

MODERATOR
En. Adi Afendi
Pengacara Majlis, Pelakon, Personaliti TV, dan juga Penceramah Motivasi (FUU 1997)

PANEL 1
Dr. Sakinah bt Sulong
Pakar Perubatan Keluarga, Pejabat Kesihatan Johor Bahru (FPER 2001, 2011)

PANEL 2
Dr. Ahmad Mahyuddin bin Mohamed
Pakar dan Ketua Jabatan Ortopedik, Hospital Kemaman, Terengganu (FPER 2011)

PANEL 3
En. Mohd Diziehan Mustapa
Pegawai Farmasi, Ketua Unit Kualiti & Teknikal, Bahagian Farmasi, Pejabat Kesihatan Daerah Klang (FAR 2003)


@alumniukm_official
facebook.com/UKMAlumni
@alumniukm

LIVE
FACEBOOK RASMI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

www.ukm.my/alumni

A L U M N I - U K M

Bicara Vaksin COVID-19 yang telah pada 6 Mac 2021 (Sabtu) jam 3.00 petang secara langsung di Zoom dan FB rasmi Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara panel jemputan ialah Dr. Sakinah bt Sulong (FPER 2001, 2011) Pakar Perubatan Keluarga, Pejabat Kesihatan Johor Bahru, Dr. Ahmad Mahyuddin bin Mohamed (FPER 2011) Pakar dan Ketua Jabatan Ortopedik, Hospital Kemaman Terengganu, Encik Mohd Diziehan Mustapa (FFAR 2003) Pegawai Farmasi, Ketua Unit Kualiti dan Teknikal, Bahagian Farmasi, Pejabat Kesihatan Daerah Klang dan Encik Adi Afendi (FUU 1997) Pengacara Majlis, Pelakon, Personaliti Tv dan Penceramah Motivasi sebagai moderator. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa iaitu sebanyak 5.3 ribu penonton. Banyak penonton menanyakan soalan bagi merungkai persoalan untuk menjayakan lagi program ini.



PROGRAM ALUMNI

Pusat Perhubungan Alumni UKM akan menggerakkan Misi Bantuan Kasih 4.0 bagi membantu masyarakat di perkampungan orang asli di Royal Belum, Perak. Sumbangan yang terkumpul akan digunakan untuk membina sebuah surau, tandas dan membaikpulih prasarana yang telah rosak. Selain itu, agihan makanan seperti beras, gula, tepung, biskut, susu bayi, makanan dalam tin dan banyak lagi akan disalurkan kepada penduduk agar dapat meringankan beban mereka.

Kepada anda yang ingin menderma ke Tabung Misi Bantuan Kasih ini, anda boleh menyalurkan sumbangan anda ke nombor akaun yang tertera dalam poster di bawah.



Misi BANTUAN KASIH 4.0
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Skuad Misi Bantuan Kasih 4.0 kini sedang mengumpul dana bagi menjayakan program bantuan kepada masyarakat Orang Asli di Royal Belum. Dana ini akan digunakan untuk membina Surau dan prasarana lain

Agihan bekalan makanan seperti beras, gula, tepung, biskut, susu bayi, makanan dalam tin serta lain-lain juga akan disalurkan bagi meringankan beban mereka

HUBUNGI :
FARAH FARZANA RASOL 012-6771445
NAJIB ADUN 019-3340848
HASROL 017-9786129

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KEPADA
8002240869
(CIMB BANK)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
RUJUKAN: #MISIBANTUANKASIH

Resit sumbangan boleh diemalkan ke alamat emel:
alumni@ukm.edu.my

ALUMNI - UKM

"ALUMNI PERIHATIN"

PROGRAM ALUMNI DI FAKULTI

CAREER TALK:
PESAN ABANG EDAY

INI KE ABANG YANG VIRAL TUU?!

Tarikh:
23 JANUARI 2021
Masa:
9-10 MALAM
Platform:
PMFST UKM

MUHAMMAD KHIDIR BIN SAMSUDIN
ALUMNI FSK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

IMBAS DI SINI

PMFST

E-SIJIL DISEDIAKAN

Coffee Talk with Alumni
LIKU-LIKU PERJALANAN SEORANG ALUMNI FTSM

with **HADZRY RAJAB**
Account Director for Education & State Government
Huawei Technologies (M) Sdn. Bhd.
Alumni FTSM 2004

ASSOC. PROF. TS. DR. NURHIZAM SAFIE
Deputy Dean (Networking & Alumni) FTSM

9 FEB. 2021
TUESDAY | **10.30 am - 11.30 am** | **LIVE**

Join us on
www.facebook.com/computing.ftsmukm

All are cordially invited

Unit Jaringan dan Alumni, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

www.ftsm.ukm.my | [computing.ftsmukm](https://www.facebook.com/computing.ftsmukm)
#FTSMALUMNI #webinar #ftsm #ukm #ftsmukm

29 Jumaat
Jan 2021
10.00 pg - 12.00 tgh

Program
Seluang Pulang ke Lubuk

http://tiny.cc/webinaralumni
Meeting ID: 973 5759 4243
Passcode: 807165

Dirasmikan oleh
YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr.
Mohamed Salleh Mohamed Yusin
(Dato' Menteri Kabinet (Sains, Teknologi dan Inovasi)
(1982-1998)

Semua Alumni FSKB & FSK dijemput hadir

Agenda:
Belogues Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat (JAM)
FSK, UKM

Sembang Santai Bersama Alumni
Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia:
MEMBANGUN BAKAT DIGITAL YANG BERDAYA SAING DAN TANGKAS

bersama **PN. KASMAWATI ABDUL HALIM**
Head of Solution Integration and Bid Management Department
Mesinaga
Alumni FTSM 1999

PROF. MADYA TS. DR. NURHIZAM SAFIE
Timbalan Dekan (Jaringan & Alumni)

25 FEB. 2021
KHAMIS | **3.00 - 4.00**
ptg. | **LIVE**

SERTAI KAMI DI
www.facebook.com/computing.ftsmukm

Terbuka Kepada Semua

Unit Jaringan dan Alumni, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, MALAYSIA

www.ftsm.ukm.my | [computing.ftsmukm](https://www.facebook.com/computing.ftsmukm)
#FTSMALUMNI #webinar #ftsm #ukm #ftsmukm

ANJURAN:
PUSAT SUKAN UKM

WEBINAR
BICARA SUKAN
ALUMNI ATLET UKM

24 FEBRUARI 2021, RABU
9.30 - 10.30 PAGI

Facebook Live: PUSAT SUKAN UKM OFFICIAL

BERSAMA
ATLET KRIKET

WINIFRED ANNE DURASINGAM
KETUA PASUKAN
KRIKET WANITA MALAYSIA

AHMAD FAIZ MOHAMAD NOOR
KETUA PASUKAN
KRIKET LELAKI MALAYSIA

HADIAH MENARIK MENANTI PENONTON

SESI PERKONGSIAN INTEGRITI SIRI 4/2021

Gangguan Seksual:
Antara Gurauan dan Jenayah

3 MAC 2021 | 10:00 PAGI

Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal
Professor, Fakulti Undang-Undang UKM & Pasanjurjaya
Kanak-Kanak, SUPREMACY

Prof. Dato' Dr. Harlina Malizah Siraj
Pengerusi,
Pusat Citra UKM

Prof. Dr. Bariah Mohd Ali
Professor, Pusat Kajian
Kesihatan Komuniti,
Fakulti Sains Kesihatan UKM

SEMUA DIJEMPUT SERTA!

ANJURAN:
INTEGRITI
UKM

www.ukm.my/integriti

PROGRAM ALUMNI DI FAKULTI

Jemputan kepada semua alumni dari Fakulti Teknologi Sains Maklumat (FTSM) untuk menyumbang artikel dan juga sebagai ahli jawatankuasa (teknikal) penganjuran MCAIT 2021 yang akan berlangsung pada 4-5 Ogos 2021. Boleh rujuk poster di bawah untuk keterangan lanjut.



ALUMNI INVITATION AS COMMITTEE MEMBER 4th - 5th AUGUST 2021
THE 5th INTERNATIONAL MULTI-CONFERENCE ON ARTIFICIAL INTELLIGENCE TECHNOLOGY

Owing to your expertise, we sincerely invite you to serve as Technical Committee Member for MCAIT 2021.

Technical Committee Member will have the duty to review conference papers in relevant to your fields.

Cooperate with other committee members and assist in promotional activities for the conference.

Technical Committee Member will benefit from the following:

- Certificate of Technical Committee Member
- 20% registration fee discount



ALUMNI CALL FOR PAPERS 4th - 5th AUGUST 2021
THE 5th INTERNATIONAL MULTI-CONFERENCE ON ARTIFICIAL INTELLIGENCE TECHNOLOGY

M-CAIT 2021 will take place virtually from 4th until 5th August 2021. M-CAIT 2021 is organized by the Center For Artificial Intelligence Technology (CAIT), a center of excellence at the Faculty of Information Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia. We invite submissions of papers presenting high-quality original research and development for the following topics of interest, but are not limited to:

- Semantic Technology
- Information Retrieval
- Natural Language Processing
- Knowledge Management
- Data & Text Mining
- Optimization Algorithm or Applications
- Big Data and Decision Making
- Data Analytics and its Application
- Emerging ICT Application
- Mobile Technology Applications
- Virtual and Augmented Reality
- Technology and Software Systems
- Pattern Recognition and Machine Learning
- Computer Vision and Robot Vision
- Image, Speech, Signal and Video Processing
- Biomedical Image Analysis and Applications
- Cyber Technologies
- Cyber Intelligence
- Cyber System
- Cyber Resilience Management

IMPORTANT DATES	
1 CALL FOR PAPERS 3 June 2020	2 PAPER SUBMISSION By 15 March 2021
3 NOTIFICATION 15 April 2021	4 CAMERA READY SUBMISSION 15 June 2021
5 REGISTRATION DEADLINE 15 June 2021	6 CONFERENCE 4 - 5 August 2021

REGISTRATION FEE		
CATEGORY	REGISTRATION	
PRESENTER - ALUMNUS UKM (20% DISCOUNT)	Local	RM 120
	International	USD 40

Contact us

M-CAIT2021 SECRETARIAT
Faculty of Information Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

for more details please visit:
www.ftsm.ukm.my/mcait2021

mcait@ukm.edu.my 03 - 8921 6082 mcaitukm



ALUMNI CALL FOR PAPERS 4th - 5th AUGUST 2021
THE 5th INTERNATIONAL MULTI-CONFERENCE ON ARTIFICIAL INTELLIGENCE TECHNOLOGY

Owing to your expertise, we sincerely invite you to serve as Technical Committee Member for MCAIT 2021.

Technical Committee Member will have the duty to review conference papers in relevant to your fields.

Cooperate with other committee members and assist in promotional activities for the conference.

Technical Committee Member will benefit from the following:

- Certificate of Technical Committee Member
- 20% registration fee discount

SUMBANGAN KOMPUTER

Sukacita dimaklumkan HEP-UKM dan ALUMNI-UKM sedang mengumpul dana dan komputer riba terpakai untuk membantu para pelajar kumpulan B40 dalam pembelajaran mereka khususnya yang terkesan akibat pandemik yang sedang melanda negara kita. Sudi sekiranya rakan-rakan alumni untuk memberikan sumbangan bagi menjayakan program tersebut. Segala sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun di bawah.

CIMB - 8002234307 (UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA)

Mohon emelkan resit @ pembuktian sumbangan ke alamat emel **pghalumni@ukm.edu.my** atau **alumni@ukm.edu.my**

Sumbangan berupa komputer riba juga amatlah dialu-alukan dan boleh diserahkan kepada Pusat Perhubungan Alumni UKM di Aras 7, Bangunan Pusanika UKM.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Farah Farzana @ Puan Rosnita di talian **03-89215163/4530**.



  **HEP-UKM** **ALUMNI**
PUSAT HAL EHWAL PELAJAR **UKM**

PROJEK LAPTOP+NEEDY

#berkahdengansedekah

**TABUNG BANTUAN
KOMPUTER
RIBA B40**

Dana diperlukan segera untuk menyediakan komputer riba bagi kegunaan pelajar B40. Sumbangan boleh dalam bentuk bantuan kewangan atau komputer riba terpakai.

Sumbangan komputer riba boleh diserahkan kepada Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)

SALURKAN SUMBANGAN ANDA KE AKAUN **CIMB**
8002234307
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(Mohon sertakan bukti pembayaran kepada pghep@ukm.edu.my atau alumni@ukm.edu.my)


PUSAT HAL EHWAL PELAJAR  www.ukm.my/hepukm  facebook.com/siswa.ukm  [@siswa_ukm](https://www.instagram.com/siswa_ukm)

KOMPLEKS ALUMNI

Pusat Perhubungan Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia dalam usaha untuk membina sebuah bangunan yang dinamakan sebagai Kompleks Alumni. Kompleks Alumni ini merupakan satu simbolik kepada keutuhan hubungan antara alumni dan alma mater. Segala perancangan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh alumni untuk manfaat kepada universiti, pelajar, alumni dan masyarakat akan dijalankan di sini. Kompleks Alumni ini boleh dianggap sebagai mercu tanda keakraban antara universiti dan alumni.

Pembinaan Kompleks Alumni ini dirancang berpandukan 3 sektor utama iaitu Pejabat Pengurusan Alumni, Dewan Serbaguna serta Bilik Seminar, Bengkel dan Latihan. Kompleks ini juga akan dilengkapi dengan beberapa kemudahan seperti:





Kompleks Alumni ini akan turut dijadikan Pusat Pembangunan Kompetensi Pelajar yang akan melibatkan para alumni dalam memberi latihan dan pendedahan kepada para pelajar. Antara program yang dikenalpasti adalah Program Pentauliah Profesional atau Sijil Profesional dan juga perkongsian ilmu alumni seperti Bicara Alumni, Perkongsian Alumni, Ceritera Alumni, Wahana Ilmu dan lain-lain.

Selain itu, Kompleks Alumni juga akan menjadi pintu masuk (Gateway) kepada semua alumni yang ingin berkolaborasi dan bekerjasama dengan UKM dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, pendidikan, khidmat masyarakat dan lain-lain lagi.

ANGGARAN KOS PEMBINAAN KOMPLEKS ALUMNI BERNILAI

RM10 JUTA

Pembinaan kompleks ini akan melibatkan dua fasa yang utama iaitu Bangunan & Lanskap dengan keperluan peruntukan sebanyak RM6 Juta dan Perabot/ Peralatan & Kelengkapan dengan jangkaan perbelanjaan sebanyak RM4 Juta lagi diperlukan.

Sumbangan daripada semua pihak terutamanya para alumni amat dialu-alukan untuk memastikan Projek Pembinaan Kompleks Alumni ini berjaya digerakkan dan disempurnakan. Pusat Perhubungan Alumni juga telah merangka aktiviti-aktiviti penjanaan dana untuk pembinaan dan penyelenggaraan Kompleks Alumni bagi memastikan fungsi kompleks ini sebagai pusat gerakan alumni memberi manfaat kepada warga UKM, pelajar, alumni dan masyarakat. Diharap projek ini mendapat sambutan menggalakkan dari semua alumni.

Untuk maklumat lanjut mengenai projek ini, sila hubungi

03-8921 4703/5163 (Pusat Perhubungan Alumni UKM)



Sempena sambutan UKM ke 50 pada tahun ini, Pusat Perhubungan Alumni UKM berhasrat untuk mengabadikan biografi ringkas 100 orang alumni cemerlang di dalam sebuah Buku Mewah (coffee table book). Buku ini bukan sahaja akan memaparkan alumni kebanggaan universiti malahan akan dijadikan sebagai inspirasi kepada semua pelajar disamping meningkatkan citra Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyediaan Buku Mewah ini turut dilaksanakan bagi menyokong Projek Pembinaan Kompleks Alumni UKM.

BUKU MEWAH



IKLAN ALUMNI



NAMA : MOHD SABRI BIN LEMAN
KELAHIRAN : ANAK FELDA, PALONG GEMAS, NEGERI SEMBILAN
PENDIDIKAN : IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN DAN INNOVASI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGSA : MELAYU



SYARIKAT : MS GIGIH ENTERPRISE
PERNIAGAAN : PERCETAKAN PAKAIAN DAN CENDERAMATA
ALAMAT : NO 1-2, ARAS BAWAH, BANGUNAN PUSANIKU UKM 43600 BANGI, SELANGOR
E-MAIL : msgigihent90@gmail.com



SYARIKAT 2 : LIGHTGREEN HQ ENTERPRISE
PERNIAGAAN : PRODUK SUBLIMATION
ALAMAT : NO 28, JALAN ALAM JAYA 19, TAMAN ALAM JAYA, 43200 CHERAS, SELANGOR
E-MAIL : lightgreen239@gmail.com

017-6178901 LightGreen HQ
 lightgreen239 LIGHTGREENHQ

OBJEKTIF PERNIAGAAN

MEMBANTU USAHAWAN MUDA

- ★ Membuka ruang bagi menjana pendapatan tambahan.
- ★ Dijadikan ejen ataupun dropship.
- ★ Diberikan latihan dan pendedahan asas usahawan.
- ★ Menimba ilmu dari pengalaman perniagaan.
- ★ Pendedahan menyeluruh mengenai realiti perniagaan.



MEMBIMBING SISWA BERMOTIVASI

- ★ Memberi *talk* kepada siswa.
- ★ Berkongsi ilmu dan pengalaman perniagaan.
- ★ Menyumbang dana dalam program siswa.
- ★ Bersama menyertai program yang dijalankan usahawan.
- ★ Memberi potongan harga bagi siswa yang membuat tempahan dengan syarikat.



MENYUMBANG KEPADA MASYARAKAT

- ★ Menyertai bantuan mangsa banjir yang dijafankan oleh Pusat Alumni UKM.
- ★ Menyumbang sedikit keperluan asas kepada yang memerlukan.
- ★ Membantu menghasil dan mengedar PPE semasa PKP yang pertama akibat COVID-19.





PRINTING STATION
 03 8922 3140

Cetak T-shirt
 (Sublimasi / Dye Sublimation / Dye Transfer)

MERAH PRINT & SUPPLY SDN BHD

EDG 2019



PENGARAH URUSAN / CEO
 Mohd Subri Hj. Mat Isa
 BA (Hons)
 Pengajian Islam
 UKM



2017 **2018** **2019 - Sekarang**

Perkhidmatan kami dari awal sehingga sekarang berfokuskan kepada percetakan yang melibatkan offset dan inkjet, cenderamata, alat tulis serta terlibat juga untuk pemasangan billboard dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan percetakan.

MAKLUMAT SYARIKAT

CAWANGAN

No. 414, Jalan Alsagoff, Taman Zalina, 82000 Pontian, Johor Darul Takzim
 T : +6 07 686 2841 F : +6 03 8912 2770

No. 5, Jalan Semantan 1, Lurah Semantan, 28000 Temerloh, Pahang Darul Makmur
 T / F : +6 09 296 6515

No. 118 Tingkat 1, Taman Tunas Muda, Jalan Dato Ismail Hasyim, Sungai Ara 11900
 Bayan Lepas, Barat Daya, Pulau Pinang
 T : +6 019 545 4123



MERAH PRINT & SUPPLY SDN, BHD.
 No. 20 & 20A
 Jalan 4/12A, Seksyen 4, Tasikoh, 43200
 Bandar Baru Bangi, Selangor

+603 8922 3140 +603 8912 2770
 +6010 923 0989
 merahprintandsupply@yahoo.com
 "Merah Print"

**[SOAL SELIDIK FAKTOR
YANG MEMPENGARUHI
KESEDIAAN UNTUK MENYUMBANG
DAN PERSEPSI UNTUK
MELANJUTKAN PELAJARAN
KE ALMA MATER
DALAM KALANGAN ALUMNI UKM]**

**MOHON JASA BAIK DAN KERJASAMA SEMUA ALUMNI
UNTUK MENGISI SOAL SELIDIK BERIKUT.**

**SILA IMBAS KOD QR UNTUK
MENGISI SOAL SELIDIK**



Cenderamata ALUMNI-UKM



Untuk pembelian sila imbas
QR code atau pergi ke pautan
berikut :



SCAN ME

www.ukm.my/alumni/CENDERAMATA/

A L U M N I - U K M

#UKM50



ALUMNI
UKM



 [@alumniukm_official](https://www.instagram.com/alumniukm_official)
 [@alumniukm](https://twitter.com/alumniukm)

 facebook.com/UKMalumni
 ukm.my/alumni